

10 DEC 1998

ASB-DIVIDEN/I

ASB BAYAR 10.5 PERATUS DIVIDEN DAN BONUS BAGI 1998

KUALA LUMPUR, 10 Dis (Bernama) -- Permodalan Nasional Bhd (PNB) akan membayar dividen dan bonus sebanyak 10.5 peratus kepada pemegang saham skim unit amanah Amanah Saham Bumiputera (ASB) bagi 1998 berbanding dengan pembayaran 11.50 peratus pada 1997.

Pengumuman itu dibuat oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang juga pengerusi Yayasan Pelaburan Bumiputra, yang mengendalikan PNB.

Ucapan Dr Mahathir dibacakan oleh pengerusi PNB Tan Sri Ahmad Sarji Abdul Hamid di sini.

Perdana Menteri menjelaskan pulangan pelaburan sebanyak 10.50 peratus bagi pemegang unit adalah berpatutan bagi pelaburan jangka panjang dan berisiko rendah seperti ASB.

"Ia adalah pulangan yang masih sangat menarik selepas mengambil kira keadaan pasaran ketika ini dan apabila dibandingkan dengan pulangan pelaburan yang ditawarkan oleh skim lain," katanya.

Beliau menambah pengiraan pembayaran bonus bagi ASB untuk tahun 1998 adalah berasaskan kepada baki minima bulanan bagi sembilan tahun berturut-turut daripada 1990 hingga 1998.

"Ia adalah sebagai penghargaan kepada pemegang unit yang mengekalkan pelaburan jangka panjang dalam ASB sejak pengasasannya pada 1990," katanya.

Dengan pengumuman itu, ASB akan membayar RM2.7 bilion kepada pemegang unit dan ia juga bermakna 16.36 peratus lebih rendah daripada yang dibayar pada tahun lalu iaitu sebanyak RM3.3 bilion.

Dalam menyediakan pecahan pendapatan ASB untuk tahun ini, beliau berkata 37.28 peratus adalah daripada dividen, 60.48 peratus daripada keuntungan jual balik pelaburan dan bakinya daripada sumber lain.

"Saya berharap pemegang unit akan melabur semula dividen yang akan diterima itu ke dalam skim ASB kerana ia adalah skim pelaburan jangka panjang yang stabil dan menguntungkan," kata Dr Mahathir.

Beliau menambah PNB akan terus memberikan keutamaan kepada pemegang unit ASB dengan menguruskan dana mereka dengan cara yang terbaik di samping memastikan ekuiti mereka kekal kukuh dalam sektor korporat.

Sementara itu, semua urusan bagi skim Amanah Saham Nasional (ASN) dan ASB akan ditangguhkan buat sementara waktu antara 16 Dis, 1998 hingga Jan, 1999 untuk tujuan pengiraan dividen dan bonus.

Bagaimanapun, urusan bagi skim Wawasan 2020 tetap beroperasi seperti biasa.

-- BERNAMA

AA ZK